

Dr. M akan lancarkan MAME 22 Jun

MELAKA, Selasa — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamed akan melancarkan Persatuan Pengeksport Melayu Malaysia (MAME) dalam satu upacara penuh tradisi di sebuah hotel terkemuka di Kuala Lumpur pada 22 Jun ini, mulai jam 9.00 pagi.

Persatuan itu ditubuhkan antara lain bertujuan memperjuangkan dan mendapatkan hak-hak keistimewaan pengeksport-pengeksport Melayu bagi kepentingan dan faedah ekonomi orang-orang Melayu khususnya serta negara amnya.

Menurut Presiden Penaja MAME, Encik Zainudin Haji Adam hari ini, seramai 400 jempunan, termasuk Menteri-menteri, wakil-wakil badan-badan berkanun, diplomat asing, wakil-wakil bank serta Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Malaysia peringkat pusat dan negeri bersama badan-badan gabungannya akan hadir.

Mesyuarat pembentukan jawatankuasa penaja MAME telah diadakan pada 3 April lalu dan sambutannya sungguh menggalakkan, sehingga kini 13 buah syarikat Melayu kebanyakannya mewakili negeri-negeri yang mempunyai pelabuhan telah menjadi ahli jawatankuasa penaja MAME.

Bellau memberitahu, Datuk Seri Dr. Mahathir

yang juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian telah menggalakkan usaha penubuhan MAME malah memberi pandangan bahawa persatuan ini sepatutnya sudah lama ditubuhkan.

Encik Zainudin memberitahu, terdapat 70 pengeksport Melayu yang mendaftar dengan 70 buah syarikat dan ini tidak termasuk pengeksport Melayu yang tidak berdaftar.

Bellau menjelaskan, keahlian MAME ialah setiap syarikat mestilah seratus peratus dimiliki oleh orang Melayu, dengan syarat aktiviti syarikat itu sepenuhnya atau sebahagian dari aktiviti terlibat dalam bidang eksport.

Yuran masuk menjadi ahli MAME ialah \$250 dan yuran tahunan \$150.

Bagaimanapun, keahlian MAME hanya akan dibuka selepas upacara pelancaran tersebut.

Bellau menyatakan upacara pelancaran MAME adalah anjuran bersama Pusat Perdagangan Eksport Malaysia (MEXPO) di

bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

Encik Zainudin berkata, selepas upacara pelancaran itu, akan diadakan satu seminar asas eksport.

Sebanyak empat tajuk perbincangan telah disediakan iaitu Perkhidmatan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian untuk membantu pengeksport Melayu oleh pengarah MEXPO, Encik Ahmad Zaini.

Tajuk kedua ialah Peraturan-Peraturan Eksport oleh Pusat Daya Keluaran Negara, Peranan Kredit Insuran Eksport Malaysia Berhad (MACIB) dalam membantu pengeksport oleh wakil MACIB dan Peranan Bank Perdagangan Tempatan dalam membantu pengeksport-pengeksport Melayu oleh wakil Unit Perancang Bank Bumiputra.

Encik Zainudin berkata, ibu pejabat MAME adalah di nombor 10 Kompleks Bukit Nenas, Jalan Raja Chulan Kuala Lumpur dan Nombor telefon ialah 206612 atau 23050.